

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982 (93745-A)) dengan kerjasama Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia telah melancarkan Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat berserta pelaburan dalam Dana Gemilang seperti ilustrasi di bawah. Skim ini melindungi ahli Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia, pasangan dan anak-anak mereka yang sah. Skim ini juga menyediakan perlindungan terhadap 45 Penyakit Kritikal.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SERENDAH RM1.60 / RM2.00 / RM4.00 SEHARI

Perlindungan yang disediakan di bawah skim ini			
Manfaat	Jumlah Asurans		
	Premium bulanan RM48	Premium bulanan RM60	Premium bulanan RM72
45 Penyakit Kritikal	RM 40,000	RM 50,000	RM 60,000
Kematian (Disebabkan Penyakit atau Secara Semula Jadi)	RM 40,000	RM 50,000	RM 60,000
Kematian akibat kemalangan	RM 80,000	RM 100,000	RM 120,000
Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) (akibat sakit)	RM 40,000	RM 50,000	RM 60,000
Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) (akibat kemalangan)	RM 80,000	RM 100,000	RM 120,000
Elaun Kemasukkan Hospital	RM40/sehari	RM50/sehari	RM60/sehari
**Rider Manfaat Kemasukkan Hospital Dipertingkat (Akibat Sakit)	RM40/sehari	RM50/sehari	RM60/sehari
**Rider Manfaat Kemasukkan Hospital Dipertingkat (Akibat kemalangan / kemasukkan ICU)	RM80/sehari	RM100/sehari	RM120/sehari
Perbelanjaan Pengebumian	RM 5,000	RM 5,000	RM 5,000
Jumlah Nilai Pelaburan (TIV)	(Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV))		

*Istilah "Penyakit Kritikal" hendaklah mempunyai makna yang sama seperti istilah "Kejadian yang Dilindungi" dalam Polisi Induk

** Ini adalah rider tambahan yang boleh disertakan bersama pelan utama

KELEBIHAN SKIM INI

- Amaun premium adalah sama untuk semua umur dan jantina.
- Bayaran premium automatik melalui potongan kad kredit / potongan bank / JomPay untuk memastikan perlindungan berterusan.
- Premium lebih rendah berbanding polisi individu.
- Pengeluaran tunai sewaktu kecemasan dengan penebusan unit.
- Penyertaan boleh diteruskan sehingga umur 65 tahun hari jadi berikutnya.
- Salah satu ciri istimewa skim ini adalah anda boleh menjual sebahagian unit dalam dana anda selepas menyumbang sekurang-kurangnya 12 bulan.

Nota: 1) Perlindungan untuk TPD dan hilang upaya kekal dan separa sehingga umur enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikutnya.

2) Perlindungan untuk Elaun Kemasukkan Hospital, jika perlu, sehingga umur 65 tahun hari jadi berikutnya.

3) Tertakluk pada terma dan syarat

KELAYAKAN & PENYERTAAN

- Pekerja/Ahli dan pasangan yang sah berumur antara 19 hingga 60 tahun hari jadi berikutnya.
- Anak-anak berumur antara 30 hari hingga 19 atau 23 tahun hari jadi berikutnya untuk pelajar sepenuh masa. Hanya berkenaan untuk anak-anak yang belum berkahwin dan tidak bekerja sahaja.
- Perlindungan untuk tanggungan hanya boleh dilanjutkan jika pekerja/ahli menyertai skim ini.

SYARAT UNTUK PENYERTAAN ANAK

- Anak hanya boleh menyertai skim ini sekiranya pekerja/ahli juga menyertai skim ini.
- Kegagalan memenuhi keperluan di atas akan menyebabkan pelan hayat yang diasuranskan terbatal daripada permulaan dan semua premium yang diterima berkaitan dengan hayat yang diasuranskan akan dikembalikan sewajarnya.

45 PENYAKIT KRITIKAL

1) Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i>	16) Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	29) Ensefalitis – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
2) Strok – <i>mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i>	17) Melecur Tahap Ketiga – <i>keterukan tertentu</i>	30) Angioplasti dan rawatan invasive lain untuk penyakit arteri koronari*
3) Pembedahan Pintas Arteri Koronari	18) Koma – <i>mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal yang berterusan</i>	31) Pembedahan Otak
4) Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>	19) Kardiomiopati Teruk – <i>keterukan tertentu</i>	32) Meningitis Bakteria – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
5) Kegagalan Buah Pinggang – <i>memerlukan dialysis atau pemindahan buah pinggang</i>	20) Penyakit Neuron Motor – <i>Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i>	33) Penyakit Arteri Koronari Serius
6) Hepatitis Virus Fulminan	21) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
7) Pemindahan Organ Utama/ Sumsu Tulang	22) Penyakit Parkinson – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>	35) Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
8) Kelumpuhan Anggota	23) Kegagalan Hati Tahap Akhir	36) AIDS Dengan Gejala Penuh
9) Sklerosis Berbilang	24) Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	37) Penyakit Sistik Medular
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – <i>keterukan tertentu</i>	25) Trauma Kepala Teruk – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>	38) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
11) Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	26) Anemia Aplastik Kronik – <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsu Tulang</i>	39) Penyakit Terminal (Membawa Maut)
12) Pembedahan Injap Jantung	27) Distrofi Otot	40) Sindrom Apallik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
13) Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	28) Tumor Otak Benigna – <i>keterukan tertentu</i>	41) Poliomielititis
14) Pembedahan Aorta		42) Skleroderma Progresif
15) Hilang Keupayaan Bertutur		43) Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik
		44) Elefantiasis
		45) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)

Ambil perhatian: *Atas pembayaran tuntutan untuk Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, jumlah yang diinsuranskan akan dikurangkan dalam kuantum pembayaran Angioplasti dan rawatan invasif yang lain untuk penyakit arteri koronari. Walau bagaimanapun, premium tersebut harus kekal dan tidak berubah. Faedah ini tertakluk kepada had maksima RM1,000,000 di bawah polisi dan semua polisi berkelompok yang tidak berkaitan dengan kredit lain (termasuk kontrak tambahan dan pengesahan, jika ada) yang dikeluarkan oleh Syarikat oleh sebarang nama atau penerangan yang menyediakan faedah acara atau faedah yang serupa pada ahli yang Diinsuranskan yang sama* Definisi lengkap mengenai Penyakit Kritikal seperti yang dinyatakan dalam dasar induk perlu dipenuhi sebelum apa-apa 45 tuntutan Penyakit Kritikal dapat dibayar.

Jadual Pampasan

Seksyen A	% jumlah asurans
1) Kematian	100%
Seksyen B	100%
1) Kehilangan Kedua-dua tangan	100%
2) Kehilangan Kedua-dua kaki	100%
3) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
4) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
5) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%
6) Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%
7) Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
Bagi kecederaan yang tidak disenaraikan di atas, pampasan akan dibayar secara bersekadar dengan kehilangan yang dialami seperti dinyatakan dalam Polisi induk. Walau bagaimanapun jumlah bayaran tidak melebihi 100% dari jumlah asurans keseluruhan.	

MANFAAT LANJUT SKIM INI

Penyakit Kritikal dan Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

Manfaat Penyakit Kritikal akan dibayar apabila pengamal perubatan berdaftar telah mengesahkan bahawa Hayat yang Diinsurankan telah didiagnosis dengan salah satu daripada 45 Penyakit Kritikal.

TPD berkenaan dengan Hayat yang Diinsurankan mestilah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar yang dilantik oleh Syarikat, berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh hilang upaya.

- **Cadangan yang diterima di bawah Promosi Istimewa tanpa pengunderaitan**
 - 1) Jika suatu tuntutan bagi manfaat TPD atau Penyakit Kritikal dibuat dalam tempoh 6 bulan pertama daripada tarikh berkuat kuasa insurans dan kejadian tuntutan tersebut bukan disebabkan kemalangan, hanya 50% daripada Manfaat TPD atau Penyakit Kritikal akan dibayar dan selepas itu jaminan Hayat yang Diinsurankan akan ditamatkan secara automatik.
 - 2) Tuntutan penuh bagi manfaat TPD atau Penyakit Kritikal akan dibayar bagi tuntutan yang dibuat selepas 6 bulan permulaan insurans.
 - 3) Manfaat tidak akan dibayar untuk sebarang TPD atau Penyakit Kritikal disebabkan TPD atau Penyakit Kritikal sedia ada; atau sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis dalam tempoh 60 hari pertama daripada tarikh berkuat kuasa insurans/ permulaan insurans.
- **Cadangan yang diterima dengan pengunderaitan**
 - 1) Jumlah asurans penuh akan dibayar apabila TPD atau Penyakit Kritikal berlaku.
 - 2) Manfaat tidak akan dibayar untuk sebarang Penyakit Kritikal sedia ada sebelum tarikh berkuat kuasa dan penyakit yang didiagnosis dalam tempoh 60 hari pertama daripada tarikh berkuat kuasa insurans.
 - 3) Manfaat tidak dibayar jika TPD disebabkan TPD sedia ada.
- Perlindungan bagi seseorang Hayat yang diinsurankan di bawah Polisi akan tamat apabila suatu tuntutan telah dibayar untuk manfaat ini.

Kematian (Disebabkan Sakit atau Secara Semula Jadi)

- **Cadangan yang diterima di bawah Promosi Istimewa tanpa pengunderaitan**
 - 1) Jumlah asurans penuh akan dibayar apabila kematian berlaku.
 - 2) Namun, jika suatu tuntutan bagi Manfaat Kematian berlaku dalam tempoh 2 tahun pertama daripada tarikh berkuat kuasa insurans disebabkan penyakit sedia ada, hanya 50% daripada Manfaat Kematian akan dibayar dan selepas itu jaminan Hayat yang Diinsurankan akan ditamatkan secara automatik.
 - 3) Tuntutan penuh Manfaat Kematian hanya boleh dibayar selepas 2 tahun daripada tarikh berkuat kuasa insurans.
- **Cadangan yang diterima dengan pengunderaitan**
 - 1) Jumlah asurans penuh akan dibayar apabila kematian berlaku.
 - 2) Namun, manfaat tidak akan dibayar jika kematian disebabkan penyakit sedia ada yang tidak didedahkan sebelumnya.
- Perlindungan untuk mana-mana Hayat yang Diinsurankan di bawah Polisi ini akan tamat apabila tuntutan dibayar untuk Manfaat ini.

Kematian serta Hilang Upaya Total dan Kekal (akibat kemalangan)

- Jumlah Asurans yang dibayar untuk Kematian / TPD akibat kemalangan adalah dua kali ganda daripada jumlah asurans. Amaun tuntutan yang boleh dibayar untuk hilang upaya separa dan kekal akan dibuat mengikut Jadual Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi Induk.

Dana Persaraan

- Ahli yang mencapai umur enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikutnya layak menebus semua unit baginya yang terdapat dalam Dana Gemilang dan nilai penebusan adalah berdasarkan nilai aset bersih, dengan syarat ahli tidak membuat sebarang tuntutan yang menyebabkan penamatan polisi.

Nilai Serahan

- Jika ahli memilih untuk menyerahkan polisi sebelum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikutnya, tertakluk kepada penyertaan berterusan selama minimum 12 bulan, Hayat yang Diinsurankan layak untuk menebus semua unit baginya yang terdapat dalam Dana Gemilang dan nilai penebusan adalah berdasarkan nilai aset bersih.

Perbelanjaan Pengebumian

- Manfaat ini dibayar sebagai tambahan bagi manfaat kematian.

Elaun Kemasukan Hospital

- Sekiranya ahli dimasukkan ke hospital kerajaan atau swasta di Malaysia, Brunei dan Singapura untuk sebarang penyakit/kecederaan akibat kemalangan selepas 30 hari dari tarikh permulaan polisi, ahli tersebut layak untuk mendapat elaun kemasukan hospital sehingga had yang ditetapkan tuntutan maksimum 500 hari. Walau bagaimanapun, faedah ini tidak akan dibayar jika anda dimasukkan ke hospital disebabkan oleh penyakit yang sedia ada.
- Sekiranya Kanak-Kanak yang Diinsurankan dimasukkan ke hospital untuk sebarang sebab, jumlah faedah kemasukan harian akan dikurangkan mengikut jadual berikut:

Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang dibayar untuk Manfaat Kemasukan Hospital
1	50% daripada Jumlah Manfaat Kemasukan Hospital
2	75% daripada Jumlah Manfaat Kemasukan Hospital
3 & Keatas	100% daripada Jumlah Manfaat Kemasukan Hospital
*Umur minimum untuk Kanak-kanak yang Diinsurankan layak mendapat Manfaat Kemasukan Hospital adalah satu (1) bulan	

Anggaran Jumlah Nilai Pelaburan @ umur 65 tahun hari jadi berikutnya, bagi sumbangan RM40 / bulan

Tempoh Polisi	Jumlah Sumbangan	Anggaran Nilai Pulangan	
		Unjuran Pulangan Pelaburan Dana: (Scenario X – 2%) RM	Unjuran Pulangan Pelaburan Dana: (Scenario Y - 5%) RM
3	1,440	761	794
5	2,400	1,272	1,365
10	4,800	2,567	2,954
15	7,200	3,883	4,806
28	13,440	8,118	12,015

Unjuran seperti ditunjukkan di atas hanyalah berdasarkan andaian. Pulangan sebenar mungkin berbeza bergantung kepada faktor seperti caj insurans dan 1.5% caj pengurusan dana. Andaian unjuran yang digunakan di atas adalah berdasarkan:

- 1.) Bilangan penyertaan minimum bagi skim ini adalah 600 orang sepanjang tempoh polisi.
- 2.) Purata beban umur hayat yang diasuranskan bagi skim ini adalah 37 tahun hari jadi berikutnya
- 3.) Tiada kadar kematian yang luar biasa.

Peruntukan Premium untuk sumbangan RM40 / bulan

Tahun Polisi		1 – 16 tahun	17 dan tahun seterusnya
Jumlah Premium yang dibayar		480	480
Peruntukan Premium	%	88%	100%
	RM	422.40	480

Dana Gemilang

Dana yang 80% hingga 100% daripada pelaburan dalam ekuiti yang akan terutamanya melabur di Malaysia yang mungkin tidak menentu dalam jangka pendek. Dana ini akan mencapai penghargaan modal sederhana dan jangka panjang. Ia juga boleh melabur sebahagiannya di Singapura (sehingga kepada 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%), jika perlu, untuk meningkatkan pulangan dana. Dana hanya melabur dalam sekuriti yang diluluskan Syariah.

PRESTASI DANA

Tahun	Dana Gemilang
2019	4.14%
2020	1.77%
2021	-2.52%
2022	-1.23%

Prestasi masa lalu bukanlah petunjuk bagi prestasi masa hadapan dan prestasi dana adalah tidak dijamin.

SOAL JAWAB

S. Bolehkah pasangan/anak meneruskan penyertaan dalam skim ini jika ahli meninggal dunia/menjadi hilang upaya didiagnosis dengan salah satu dari 45 Penyakit Kritikal sebelum mencapai umur 65 tahun hari jadi berikutnya?

J. Ya. Mereka boleh meneruskan skim sehingga mereka mencapai umur 65 tahun hari jadi berikutnya.

S. Bolehkah ahli/pasangan/anak memohon untuk membuat lebih sumbangan?

J. Ya. Ahli/pasangan/anak perlu memohon semula dengan melengkapkan borang Cadangan Berkelompok standard untuk mendapat kelulusan daripada Syarikat dan tidak melebihi manfaat maksimum yang dibenarkan Syarikat.

S. Adakah Syarikat akan membayar Manfaat Kematian penuh jika ahli meninggal dunia akibat bunuh diri?

J. Syarikat akan membayar Manfaat Kematian penuh disebabkan bunuh diri yang berlaku selepas 12 bulan daripada tarikh berkuat kuasa polisi.

S. Bolehkah saya meneruskan penyertaan dalam skim ini jika saya bersara atau berhenti kerja sebelum umur matang 65 tahun hari jadi berikutnya?

J. Ya. Anda boleh meneruskan penyertaan sehingga umur 65 tahun hari jadi berikutnya dan premium hendaklah dibayar menggunakan Perkhidmatan Debit Terus (DDA), iaitu potongan bank atau kad kredit.

S. Bolehkah tanggungan menikmati jumlah asurans yang lebih tinggi berbanding ahli?

J. Tidak. Jumlah asurans tanggungan hendaklah sama atau lebih rendah daripada ahli.

S. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya ingin menyerahkan polisi?

J. Anda perlu melengkapkan borang serahan dan hantar kepada Syarikat serta memaklumkan Jabatan Sumber Manusia anda pada masa yang sama untuk menghentikan potongan gaji.

S. Berapakah yuran dan caj semasa?

J. Caj insurans: Dikenakan mengikut jumlah asurans dan berbeza mengikut profil umur purata serta pengalaman tuntutan bagi skim.

Yuran Polisi Bulanan: RM2.00

Caj Pengurusan Dana: 1.5% setahun

Sila Ambil perhatian: Yuran dan caj yang dikenakan mungkin berubah dari semasa ke semasa.

PENGECUALIAN

Kematian

- Tiada manfaat akan dibayar disebabkan bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun pertama dari Tarikh Permulaan Polisi atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Asurans

Hilang Upaya Total dan Kekal / Hilang Upaya Separa dan Kekal

- Disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Disebabkan sebarang bentuk penerbangan udara kecuali sebagai penumpang dalam penerbangan biasa berjadual.
- Sedia wujud sebelum tarikh permulaan polisi.
- Disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan.
- Disebabkan daripada Hayat Diinsurankan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak akan terpakai jika Hayat diinsurankan mempunyai lesen yang telah luput tetapi tidak didiskualifikasi daripada memegang atau memperoleh lesen memandu sedemikian di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- Akibat daripada serangan provokasi, dadah, selam skuba, sebarang bentuk perlumbaan (selain daripada berjalan kaki).

Penyakit Kritikal

- Sedia ada sebelum tarikh permulaan polisi.
- Didiagnosis dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama wujud daripada tarikh permulaan polisi.
- Penyakit kritikal disebabkan sakit sedia ada.

Sila Ambil perhatian: (1) Ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi induk untuk senerai penuh pengecualian di bawah pelan ini

(2) Jaminan Hayat yang Diinsurankan hanya berkuatkuasa apabila Syarikat menerima borang cadangan secara bertulis dan apabila Syarikat telah menerima premium pertama bagi jaminan tersebut.

TUNTUTAN ANAK

Jika kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal berlaku atau diagnosis Penyakit Kritikal dibuat sebelum Anak yang Diinsurankan mencapai umur 5 tahun hari jadi berikutnya, manfaat Kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal serta Penyakit Kritikal akan dibayar berdasarkan jadual berikut:

Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Kematian atau Diagnosis Penyakit Kritikal
1	20% daripada Jumlah Asurans Asas
2	40% daripada Jumlah Asurans Asas
3	60% daripada Jumlah Asurans Asas
4	80% daripada Jumlah Asurans Asas
5	100% daripada Jumlah Asurans Asas

Notis Penting:

- 1) Borang cadangan ini hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan daripada tarikh cadangan. Borang cadangan yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan dengan segera untuk mengelakkan sebarang kelewatan.
 - 2) Menurut Perenggan 10(2), Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, penyelaras Skim akan menerima 2% daripada jumlah premium sebagai yuran perkhidmatan.
 - 3) Pembelian pelan insurans berkait pelaburan adalah komitmen jangka panjang. Pembatalan awal polisi mungkin mengakibatkan kos yang tinggi dan nilai penebusan turut bergantung kepada nilai pasaran semasa aset yang mendasari dana. Oleh itu, nilai penebusan mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar. **Produk ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.**
 - 4) Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk dan Risalah Pernyataan Dana yang boleh didapati daripada pemegang polisi induk/ejen anda masing-masing untuk mendapatkan pemahaman lebih baik berkenaan skim ini. Anda juga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai insurans berkaitan pelaburan, buku panduan Insurans Perubatan dan Kesihatan di [insuranceinfo](http://www.insuranceinfo.com.my) yang terdapat di www.insuranceinfo.com.my
 - 5) Menurut Perenggan 2, Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, hayat yang diasuranskan mempunyai tempoh 15 hari daripada tarikh penerimaan polisi untuk meneliti terma dan syarat. Hayat yang diasuranskan boleh membatalkan polisi dalam tempoh memerhati bebas selama 15 hari. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan jumlah (a) jumlah nilai pelaburan polisi berdasarkan nilai aset bersih (NAV) pada tarikh penilaian; dan (b) nilai pelaburan unit yang telah dibatalkan untuk bayaran caj insurans dan yuran polisi; dan (c) amaun premium yang belum diperuntukkan; tolak perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada (semasa tempoh promosi sahaja)
 - 6) Syarikat berhak mengubah kadar dalam Jadual Manfaat dan/atau Jadual Premium dan/atau terma dan peruntukan Polisi ini (termasuk Syarat Am dan Peruntukan Am) dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggal dan mutlak yang dianggap sesuai, dengan memberi notis bertulis selama tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi.
 - 7) Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.
 - 8) Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar.
 - 9) Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Semakan semula yang melibatkan peningkatan caj asurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum semakan semula dilakukan. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad berhak menyemak semula struktur manfaat dan sekatan/had bagi rider ini pada ulang tahun polisi atau semasa pembaharuan dengan memberi notis sekurang-kurangnya 30 hari.
 - 10) Caj risiko pada tahun pertama penubuhan adalah berdasarkan lembaran data projek yang disediakan oleh Pemegang Polisi Induk kepada Syarikat, dan Syarikat akan menyemak semula caj risiko selepas ulang tahun pertama skim.
 - 11) Ini bukan produk patuh syariah
 - 12) Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, Bahasa Inggeris akan digunakan
- Sila Ambil perhatian: Istilah "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad*

Agensi Perkhidmatan:

PS ABADI SDN BHD
No. 23D, (2nd Floor) Jalan Wawasan 2/3,
Bandar Baru Ampang,
68000, Selangor.

Azura: 012-6978875
Ismail: 012-2986354
Yusni: 017-3004255
Office: 03-42707310
Email: gs_pqa@yahoo.com.my

Ibu Pejabat :

**Great Eastern Life Assurance (Malaysia)
Berhad**

Menara Great Eastern, Tingkat 8
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-4813 3818
Emel: gmbadmin@greasternlife.com